

Oleh Zaini Othman  
open@bh.com.my

► Nilai

Pengasas The Golden Web Foundation yang juga Felo Akademik, University of Cambridge, Ahmed Keeler, dilantik sebagai Felo Kehormat Kursi Kepemimpinan Islam Mohd Yassin Muhammad, Fakulti Kepimpinan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), bermula 1 Januari lalu.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Prof Dr Zulkiple Abd Ghani berkata, pelantikan selama setahun itu adalah usaha signifikan dalam membantu universiti dan negara bagi memperoleh input berkaitan perkembangan dakwah dan media di peringkat global.

“USIM menyasarkan untuk menjadi pusat rujukan global bagi integrasi ilmu naqli dan aqli menjelang tahun 2025.

“Pelantikan Ahmed Keeler, seorang Muslim berbangsa Inggeris dan tokoh terkemuka dari University of Cambridge adalah usaha penting bagi menjalin hubungan akademik dan penye-

» Pelantikan  
Ahmed Keeler  
sebagai  
Felo Kehormat  
beri peluang  
jalin  
hubungan  
akademik  
di peringkat  
global



Ahmed Keeler

# USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah

lidikan bersama universiti terkemuka dunia,” katanya.

Katanya, Ahmed turut dilantik sebagai penasihat bidang dakwah dan media dalam Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM.

Beliau berkata, keberadaan Ahmed di USIM diharap dapat dimanfaatkan warga universiti dan masyarakat Islam di Malaysia.

“Untuk bercakap mengenai Islam, kita bukan sahaja perlu mendengar suara masyarakat di negara Islam sahaja, sebaliknya umat Islam di Barat yang dapat memberikan perspektif berbeza demi manfaat bersama.

## Wadah pemikiran

“Usaha ini turut membuktikan bahawa USIM sebagai institusi akademik menjadi wadah kepada kepelbagaian pemikiran dan perbincangan intelektual, sekali

gus membuktikan bahawa Islam sebagai agama yang syumul,” katanya.

Mempunyai latar belakang pendidikan dan pengalaman luas dalam bidang kesusasteraan dan kesenian, Ahmed pernah menubuhkan Signal Gallery yang menghubungkan antara bidang seni, sains dan teknologi.

Beliau juga adalah pengasas The Oriental Centre, Institute of Contemporary Arts yang kemudiannya menganjurkan *World of Islam Festival* yang pertama di London pada November dan Disember 1971.

Penubuhan The Golden Web Foundation yang diasaskan beliau pula adalah projek bertujuan untuk memanfaatkan teknologi internet bagi menyampaikan maklumat dan menghubungkan masyarakat seluruh dunia berkaitan sumbangan Islam terhadap perkembangan

“  
USIM menyasarkan untuk menjadi pusat rujukan global bagi integrasi ilmu naqli dan aqli menjelang tahun 2025”

**Zulkiple Abd Ghani,**  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik dan Antarabangsa  
USIM

tamadun global.

Ia turut menjadi wadah kepada perbincangan bagaimana Islam boleh memberi penyelesaian kepada cabaran semasa di era globalisasi.

Selain itu, Ahmed turut bergiat aktif dalam perkongsiannya mengenai *A Reflection of An English Muslim* di serata dunia.